



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PEMANDU KENDERAAN DIESEL DIDENDA RM10,000 KERANA MENYEBABKAN PENCEMARAN UDARA

14 Januari 2021, KOTA KINABALU – Seorang pemandu kenderaan diesel didenda RM10,000 dan jika gagal membayarnya akan dipenjarakan selama 6 bulan bagi satu pertuduhan di bawah Seksyen 22(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) kerana telah melepaskan asap ke udara dengan ketumpatan sebanyak 98.9% melebihi 50% ketumpatan asap yang dibenarkan di bawah Peraturan 11(1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 [PKAS(KPDED) 1996].

Hakim Mahkamah Sesyen 2, Kota Kinabalu telah menjatuhkan hukuman denda tersebut setelah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah dan memutuskan tertuduh bersalah di atas pertuduhan yang dikenakan.

Kesalahan dilakukan pada 10 Ogos 2017 di KM 5, Jalan Kota Belud – Kota Kinabalu, Kota Belud, Sabah dalam Operasi Bersepadu yang melibatkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sabah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sabah (JPJ Sabah) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Perbicaraan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sabah.

Orang awam boleh melaporkan aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

ENCIK AMIRUL BIN ARIPIN
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah

Dikeluarkan pada 15 Januari 2021



Operasi Bersepadu yang melibatkan JAS Negeri Sabah, JPJ Negeri Sabah dan PDRM.



Pegawai JAS memeriksa asap sebuah kereta